

1. Baca petikan di bawah.



Kata Bilangan dan Kata Arah

Pada hari Sabtu yang lalu, Zarul sekeluarga telah menonton teater bertajuk “Muzikal Gamat” di Istana Budaya, Kuala Lumpur. Di sekolah, dia menceritakan teater muzikal yang ditonton kepada rakan-rakannya.

Kawan-kawan, teater “Muzikal Gamat” yang saya tonton mengisahkan suka duka kehidupan di **dalam** laut yang dihuni oleh **beberapa** hidupan laut. Antara watak yang terdapat dalam teater ini ialah ibu gamat yang diberi nama Ibu Mat dan anak gamat yang dipanggil Mat.

Pada suatu hari, Mat, Si Ketam Bunga dan Si Tapak Sulaiman berhasrat bermain di Taman Laut Plankton. Sebelum keluar rumah, Ibu Mat telah berpesan kepada Mat.

“Sentiasa berwaspada kerana di **luar** sana sangat berbahaya,” kata Ibu Mat.

Apabila sampai di taman itu, ketiga-tiga sahabat itu leka bermain dan berenang ke arah utara sehingga mereka telah tersesat berhampiran dengan kawasan Karang Cenang.

Di Karang Cenang, kelihatan **sepertiga** penghuninya sedang menderita kesakitan kerana penyakit kulit akibat pencemaran alam sekitar. Ketua mereka, Si Kurita, mengarahkan semua pengikutnya yang diketuai oleh Si Obor-obor mencari ibu gamat, iaitu Ibu Mat untuk mendapatkan lendirnya bagi mengubati penyakit mereka. Mereka telah mengepung Mat yang berada berdekatan dengan Karang Cenang itu.

Malangnya, Si Obor-obor telah tersalah tangkap. Dia telah menangkap Mat yang disangkanya ibu gamat, Ibu Mat. Mat berasa kasihan melihat penghuni taman itu menderita kesakitan. Dia pun membantu mereka dengan menggunakan lendirnya untuk mengubati penyakit penghuni di taman itu.

Ibu Mat risau apabila menyedari kehilangan anak tunggalnya itu. Dia pun mencari anaknya ke sana dan ke sini. Dia menuju ke Karang Cenang. Akhirnya, dia berjaya menemui Mat di situ. Penghuni di situ mengucapkan terima kasih kepada Mat dan ibunya kerana membantu mereka.



3. Senaraikan kata arah yang terdapat dalam petikan di atas.

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____
- e) _____
- f) _____

4. Senaraikan kata bilangan yang terdapat dalam petikan di atas.

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____
- e) _____